

# Kongsi budaya, tradisi kebanggaan Malaysia

Anwar ucap  
Selamat Tahun  
Baharu Cina,  
disambut rakyat  
pelbagai kaum

**Kuala Lumpur:** Budaya dan tradisi dikongsi dalam kalangan rakyat bukan sahaja menjadi kekuatan, tetapi lambang kebanggaan Malaysia sebuah negara yang harmoni.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Tahun Baharu Cina disambut oleh rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Beliau berkongsi ucapan berkenaan dalam bahasa Mandarin malam tadi.

“Saya ingin mengucapkan kepada seluruh masyarakat Cina di Malaysia.

“Saya ingin mengulangi semangat dan harapan saya untuk menyambut hari raya Cina bersama dan disambut dengan baik oleh semua keluarga kita, rakyat Malaysia yang dipelopori oleh masyarakat Cina, dalam semangat hari raya Cina tetapi disambut oleh semua rakyat ne-

gara kita,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi juga mengucapkan selamat Tahun Baharu Cina.

Beliau mengajak rakyat supaya bersama-sama meraikan semangat perpaduan serta menanamkan nilai saling menghormati.

“Marilah menjadikan Tahun Baharu Cina ini sebagai detik penuh makna dalam perjalanan kita membina sebuah Malaysia lebih makmur dan sejahtera.

“Walau apa pun latar belakang kita, kita semua rakyat Malaysia. Selamat menyambut Tahun Baharu Cina 2025, saya ucapkan kepada seluruh rakyat Malaysia yang meraikannya!,” katanya menerusi catatan di media sosial.

## Sehar semangat muhibah

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof turut mengajak rakyat meraikan sambutan Tahun Baharu Cina dengan penuh kegembiraan, semangat muhibah, toleransi serta kasih sayang bersama keluarga dan sahabat handai.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, nikmat perpaduan dan keharmonian kaum yang dinikmati di Malaysia, per-

lu disyukuri kerana itu asas kepada kestabilan, kesejahteraan serta kemakmuran negara.

“Semoga perayaan tahun ular ini mengeratkan lagi ikatan kekeluargaan dan perpaduan dalam kalangan kita serta membawa kebahagiaan yang melimpah, rezeki yang bertambah dan kejayaan kepada semua.

“Saya dan keluarga serta seluruh warga Pejabat Timbalan Perdana Menteri, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air dan juga Pusat Khidmat P194 Petra Jaya, mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina 2025,” katanya.

Sementara itu Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang, mengajak rakyat mengeratkan hubungan dengan saling memahami, menghormati, dan menerima kepelbagaian budaya di Malaysia.

“Dengan semangat saling faham, hormat, dan terima, kita dapat membina sebuah negara yang lebih kuat, harmoni, dan makmur.

“Marilah kita teruskan tradisi ini dengan penuh kegembiraan, sambil mewujudkan sebuah Malaysia yang inklusif, iaitu setiap lapisan masyarakat boleh hidup bersama dalam keharmonian,” katanya.